

## **BAB 4**

### **PILIHAN RAYA UMUM 1995**

#### **4.1 – Pengenalan**

Dalam bab ini, akhbar *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* dikaji dari pelbagai sudut terutama penyiaran berita dan rencana dalam pilihan raya umum 1995. Antara bahan diambilkira ialah berita positif Barisan Nasional (BN) dan negatif parti pembangkang serta penumpuan terhadap tema berita dan rencana. Bab ini mengupas isu dipaparkan pada hari penamaan calon hingga hari pengundian dan apakah isu pilihan raya yang sering sama ataupun bertukar setiap kali pilihan raya.

Pilihan raya umum 1995 diadakan apabila Parlimen dibubarkan lima hari sebelum pembubarannya Sidang Dewan Rakyat dijadualkan pada 10 April. Pembubarannya berkuatkuasa pada 6 April 1995, kecuali Sabah dan Sarawak bagi membolehkan pilihan raya umum kesembilan diadakan. Yang di-Pertuan Agong menandatangani pengisytiharan pembubarannya pada jam 3.45 petang, 5 April 1995.

Pembubarannya pada 6 April 1995, semua ahli Parlimen bukan lagi anggota Dewan Rakyat dan anggota kabinet dalam kerajaan dikenalpasti sebagai "caretaker" sebelum pilihan raya. DUN Sabah dan Sarawak

tidak dibubarkan kerana tempoh lima tahun kerajaan negeri belum berakhir. Sarawak mengadakan pilihan raya negeri pada 28 September 1991 sementara Sabah pada 19 Februari 1994.

Hari penamaan calon ditetapkan pada 15 April 1995 sementara hari pengundian pada 24 dan 25 April 1995. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan 25 April 1995 sebagai cuti umum untuk seluruh negara bagi membolehkan rakyat membuang undi yang jatuh pada hari bekerja sepenuh hari. Pada pilihan raya ini, SPR menggunakan daftar pemilih 1994 yang diwartakan pada 9 Februari 1995 mengandungi 9,012,370 pemilih baru bagi seluruh rakyat Malaysia. Ketika itu, semua kerajaan negeri bersedia membubarkan DUN masing-masing termasuk Kelantan. Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata: "Saya akan mendapat restu Sultan Kelantan membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) walaupun disebut negeri pembangkang, kita tidak membangkang apa sahaja yang dilakukan oleh orang lain. Apa sahaja yang dilakukan di negeri lain, kita akan terima."<sup>1</sup>

Dalam pilihan raya 1995, 192 kerusi Parlimen dan 394 kerusi DUN dipertandingkan (tidak termasuk Sabah dan Sarawak). Bagaimanapun, pada pilihan raya 1990, sebanyak 180 kerusi Parlimen

---

<sup>1</sup> Berita Harian, 17 April 1995, hlm 3.

dan 351 DUN dipertandingkan. Sebelum ini, selama enam bulan pelbagai pihak membuat andaian tentang tarikh sebenar pilihan raya sebelum Parlimen dibubarkan pada 16 April 1995. Menurut seorang pensyarah Jabatan Komunikasi, Universiti Institut Teknologi Malaysia (UiTM), Shah Alam, Sankaran Ramanathan, "Selalunya pemerhati akan membuat andaian mengenai tarikh pilihan raya sehingga ianya memberi kesan secara tidak langsung kepada turun naik pasaran saham di negara ini."<sup>2</sup>

Spekulasi begitu memang disukai banyak pihak, terutama parti pembangkang. Pemimpin parti pembangkang selalunya mengalu-alukan pembubaran Parlimen bagi membolehkan mereka menilai prestasi sejauh mana sokongan rakyat terhadap mereka setiap kali pilihan raya umum dijalankan.<sup>3</sup> Selepas tarikh pengundian diisyiharkan pada 24 dan 25 April, kerajaan membenarkan kempen dijalankan antara 15 hingga 24 April dengan mengenakan beberapa syarat supaya kempen itu bersih dan terhindar daripada rusuhan serta perarakan haram.

---

<sup>2</sup> Sankaran Ramanathan, "Prestasi Media Massa Dalam Pilihan Raya Umum 1990," *Seminar Media dan Politik*, Institut Teknologi Mara (ITM), Shah Alam, Selangor, 19 April, 1995.

<sup>3</sup> Temubual dengan Razak Abdul Ghani.

Setiap perhimpunan perlu mendapatkan permit daripada pihak berkuasa, terutama polis bagi mengelakkan sebarang tuduhan perhimpunan berkenaan haram di sisi undang-undang. Pada masa itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, menegaskan tindakan boleh diambil terhadap mana-mana parti politik yang melanggar peraturan itu.

Pada hari penamaan calon, semua rakyat negara ini sudah merasai bahang pilihan raya. Tempoh berkempen yang pendek menyemarakkan lagi suasana pilihan raya. Sesetengah pihak mengatakan bahawa tempoh yang pendek untuk berkempen ini adalah yang pertama dalam sejarah tanah air.<sup>4</sup> Kempen dalam pilihan raya umum 1990, selama 11 hari, iaitu penamaan calon pilihan raya umum 1990 diadakan pada 9 Ogos dan pengundian dilakukan pada 20 Ogos 1990.

Dalam pilihan raya ini, amalan politik wang kian serius, walaupun sebelum ini, amalan itu sudah sedia ada. Dalam pilihan raya 1995, kegiatan membeli undi dilakukan secara terang-terangan.<sup>5</sup> Amalan itu berterusan kerana masing-masing pihak mempunyai hasrat untuk berkuasa ataupun mengekalkan kuasa dengan memenangi pilihan raya umum itu. Bagaimanapun, Menteri Besar Kelantan, Datuk

---

<sup>4</sup> Temubual dengan Takiyuddin Hassan.

Nik Abdul Aziz Nik Mat, melabelkan situasi pilihan raya dalam tahun 1995 seperti pasar raya disebabkan berleluasanya politik wang. Pilihan raya ini adalah pesta tempat calon menabur wang serta membahagikan apa sahaja benda untuk memancing undi. Gejala ini sungguh membimbangkan, jika tidak ada pengawalan pada masa-masa akan datang.<sup>6</sup>

Pada pilihan raya umum 1995 juga gejala berebut kepada kebendaan yang dipupuk dalam pilihan raya umum 1990 mula menular dalam UMNO. Gejala ini bermula dari peringkat cawangan hingga peringkat bahagian dan melibatkan pemimpin tertinggi. Kassim Ahmad dalam *Esei-Esei Politik* menegaskan bahawa:

"semangat kebendaan yang mencengkam masyarakat kita sekarang, digambarkan dalam 'politik wang' dalam parti politik yang terbesar dalam negara kita sekarang, datang dari dunia liberalisme. Falsafah kebendaan ini telah melunturkan semangat patriotik kita dan memungkinkan kita menjual prinsip-prinsip kita. Falsafah kebendaan ini memutuskan hubungan akhlak dengan politik dan ekonomi, tiada perhitungan akhlak seperti kejujuran, amanah, tanggungjawab, kasih sayang dan patriotisme, patut menghalang seseorang dari matlamatnya. Inilah

<sup>5</sup> Temubual dengan Razak Abdul Ghani.

<sup>6</sup> Temubual dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat.

ajaran liberalisme. Di sinilah timbulnya politik dan ekonomi tanpa moral, penipuan, rasuah, mungkir janji, kezaliman dan penindasan dibolehkan...”<sup>7</sup>

Setiap kali menjelang pilihan raya, amalan politik wang memang sedia wujud.<sup>8</sup> Ia wujud bukan sahaja ketika pertandingan memilih pemimpin tertinggi dalam UMNO dan parti-parti lain tetapi budaya itu terbawa-bawa dalam pilihan raya umum. Malahan, banyak pihak membuat tuduhan bahawa BN mengamalkan politik wang untuk mengekalkan kuasa di negara ini.<sup>9</sup> Wang digunakan untuk mengambil hati para pengundi pilihan raya. Tuduhan ini dilemparkan oleh pemimpin pembangkang seperti Presiden PAS, Datuk Fadzil Noor, Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. Semua tuduhan itu tidak diendahkan oleh BN kerana mereka memenangi pilihan raya 1995 dengan jayanya walaupun menerima pelbagai tuduhan negatif dilemparkan.<sup>10</sup>

---

<sup>7</sup> Kassim Ahmad, *Hendak Ke Mana Bangsaku-Esei-esei Politik*, Fajar Bakti Sdn Bhd., 1998, Shah Alam, hlm 201-202.

<sup>8</sup> Temubual dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat.

<sup>9</sup> Temubual dengan Razak Abdul Ghani.

<sup>10</sup> Temubual dengan Razak Abdul Ghani.

Sementara pemimpin politik tempatan memberi pandangan tentang politik wang, seorang Profesor dari University of Queensland Townsvilles, Australia, Edmund Terence Gomez dalam bukunya *Political Business, Corporate Involvement of Malaysian Political Parties*, yang banyak menulis tentang pembabitan parti politik dalam peniagaan dan pemilikan media massa di negara ini memberi takrifan politik wang ialah:

"money politics", which can be derived from the foregoing analysis, is the use of money and material benefits in the pursuit of political influence. Its corollary, therefore, is political rents, that is economic gain derived through the use-or abuse-of political power. The participation of political parties in business is therefore very much related to this phenomenon..."<sup>11</sup>

Realitinya amalan politik wang digunakan secara meluas buat pertama kali pada pemilihan UMNO 1987 dan sejak itu, ia sukar dibendung setiap kali pemilihan dijalankan walaupun menjelang setiap kali pemilihan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua perwakilan menolak calon yang

---

<sup>11</sup> Edmund Terence Gomez, *Political Business, Corporate Involvement of Malaysian Political Parties*, University of North Queensland, Townsville, Australia, 1994, hlm 44.

mengamalkan politik wang dan menjalankan kempen buruk.<sup>12</sup>

Seperti tahun 1990, pilihan raya 1995, parti pembangkang terdesak dengan taktik UMNO dan BN sehingga menyebabkan mereka tersepit dalam konflik masa dan peruntukan untuk menghadapi pilihan raya umum yang memerlukan jumlah kewangan yang besar.<sup>13</sup> Dalam pilihan raya umum 1990, BN menang 162 kerusi Parlimen daripada 192 kerusi yang dipertandingkan dengan jumlah undi popular sebanyak 4.16 juta undi (63.2%) berbanding dengan 2.23 juta (33.8%) undi yang diperolehi oleh parti-parti pembangkang. Pecahan daripada 2.23 juta itu, PAS mendapat 437,022 undi (7.36%), Semangat 46, 604,556 (10.18%), DAP 722,176 (12.16%), PBS 194,063 (3.27%), PRM 38,242 (0.64%), Akim 4,957 (0.08%) dan Bebas 74,806 (1.26%). Dalam pilihan raya itu, BN menguasai 162 kerusi Parlimen, diikuti dengan PAS sebanyak 7 kerusi, Semangat 46 (6), DAP (9) dan PBS sebanyak 8 kerusi.

Keadaan itu menyebabkan penganalisis politik tempatan menyatakan pelbagai punca kekalahan pembangkang dalam pilihan

---

<sup>12</sup> *Mingguan Malaysia*, 23 April 2000, hlm 1.

<sup>13</sup> Temubual dengan Razak Abdul Ghani.

raya umum 1995 sehingga BN mencapai kemenangan paling menang besar dalam sejarah pilihan raya umum negara ini. Salah satu faktor berkenaan ialah kerjasama parti pembangkang yang longgar.<sup>14</sup> Dalam soal ini, pemimpin parti pembangkang tidak sependapat dalam banyak perkara termasuk meletakkan calon bertindih menentang calon BN di kerusi Parlimen dan DUN di beberapa kawasan.

Pemimpin parti pembangkang juga tidak kemas dalam membuat perancangan untuk membala semua isu yang dikemukakan oleh BN. Masalah ini juga berlaku dalam pilihan raya Sarawak pada awal Oktober 2001 apabila semua parti pembangkang seperti KEADILAN dan PAS kalah dalam pilihanraya umum berkenaan. DAP memperolehi satu kerusi dan bebas satu kerusi.


Bagi melihat lebih jelas fenomena itu, pengkaji menyediakan carta di bawah menunjukkan jumlah kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum 1995 mengikut pecahan parti yang bertanding.<sup>15</sup>

---

<sup>14</sup> Temubual dengan Razak Abdul Ghani.

<sup>15</sup> <http://www.polisci.com/world.nation.MY/htm>

### PEMBAHAGIAN KERUSI PARLIMEN PILIHAN RAYA UMUM 1995




**Carta 4.1 – Pembahagian Kerusi Parlimen Pilihan Raya Umum 1995.**

Pada pilihan raya umum 1995, UMNO bertindak cemerlang apabila berjaya memenangi 88 kerusi yang dipertandingkan di seluruh negara.<sup>16</sup> MCA juga mendapat keputusan cemerlang apabila 30 kerusi dimenangi dalam pilihan raya umum itu, diikuti PPBB 10 kerusi, DAP (9), PBS (8), MIC (7), Gerakan (7), PAS (7), SUPP (7), S46 (6), PBDS (5), SNAP (3), SAPP (2) dan lain-lain parti tiga kerusi.

<sup>16</sup> Temubual dengan Datuk Ahmad Rusli Iberahim.

### PECAHAN JUMLAH KERUSI MENGIKUT PARTI DALAM PILIHAN RAYA UMUM 1995



- Sumber – <http://www.polisci.com/world/nation/MY.htm>

**Carta 4.2 – Pecahan Jumlah Kerusi Parlimen Mengikut Parti Dalam Pilihan Raya Umum 1995.**

Untuk melihat dengan lebih jelas jumlah kerusi yang dimenangi setiap parti dalam pilihan raya umum 1995, Jadual 4.1 di bawah ini boleh rujuk :


**Jadual 4.1 – Statistik Keputusan Pilihan Raya Umum 1995 bagi kawasan Parlimen di seluruh negeri.**

PARTI-PARTI	JUMLAH KERUSI
UMNO	88
MCA	30
PPBB	10
DAP	9
MIC	8
GERAKAN	7
PAS	7
SUPP	7
S46	6
PBDS	5
SNAP	3
SAPP	2
LAIN-LAIN	3
<b>JUMLAH</b>	<b>192</b>

- Sumber – <http://www.polisci.com/world/nation/MY.htm>

BN juga mengekalkan 10 kerajaan negeri apabila memenangi sebanyak 338 daripada 394 kerusi DUN, manakala pembangkang hanya menang 56 kerusi DUN dan 30 kerusi Parlimen berbanding tahun 1990, 96 DUN dan 53 Parlimen. Daripada jumlah itu, PAS memenangi 33 kerusi, DAP (11) dan 12 kerusi Semangat 46.

Manakala, kerusi Parlimen, PAS 7, DAP (9), S46 (6) dan PBS memenangi lapan kerusi.



**Carta 4.3 – Jumlah Kerusi DUN Mengikut Negeri**

Carta jumlah kerusi DUN mengikut negeri dalam pilihan raya umum 1995, memperlihatkan PAS menguasai 24 DUN di Kelantan dan BN memiliki tujuh DUN. Terengganu masih dikuasai BN apabila mempunyai 25 kerusi DUN, 17 PAS dan 12 S46 yang mula bertapak

selepas pilihan raya umum 1990. Bagaimanapun, bagi negeri seperti Kedah, PAS menguasai dua kerusi dan BN 34 DUN. Pahang, Johor, Selangor dan Perlis adalah negeri yang mendapat sokongan kuat apabila BN menguasai kesemua kerusi DUN yang dipertandingkan. DAP menguasai tiga kerusi di DUN Negeri Sembilan, dua di DUN Melaka dan masing-masing satu di Perak dan Pulau Pinang.

#### **4.2. Analisis Kandungan Berita dalam Berita Harian dan Utusan Malaysia dalam Pilihan raya Umum 1995**

Dalam pilihan raya umum 1995, *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* memainkan peranan penting dalam pilihan raya umum apabila akhbar kajian ini terbabit dalam menyiarkan berita untuk dibaca, difahami dan dinilai oleh pengundi di seluruh negara sebelum mereka menjalankan tanggungjawab dengan membuang undi di pusat pengundian. Ini ternyata apabila *Utusan Malaysia* menyiarkan lebih 245 ataupun 73.13 peratus bahan berita mengenai pilihan raya pada tahun itu. Diikuti *Berita Harian* menyiarkan 90 ataupun 26.86 peratus dalam tahun yang sama. Jumlah berita dalam *Berita Harian* agak berkurangan berbanding *Utusan Malaysia* dengan merujuk Jadual 4.2 di bawah ini.

#### Jadual 4.2 – Jumlah Berita Pilihan Raya 1995

Akhbar	Jumlah Berita	Peratus (%)
Berita Harian	90	26.86
Utusan Malaysia	245	73.13
Jumlah	335	100

Jika melihat dalam aspek keutamaan berita akhbar *Utusan Malaysia* sering kali mendahului *Berita Harian* dalam menyiaran berita dalam pilihan raya 1995 apabila menyiaran 15 ataupun 6.6 peratus berita utama muka depan berbanding 5 ataupun 6.49 peratus berita utama muka depan dalam *Berita Harian*.

#### Jadual 4.3 - Keutamaan Berita Dalam Akhbar

Keutamaan Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995
Berita Utama Muka Depan	15 (6.6%)	5 (6.49%)
Berita Utama Kedua	22(9.8%)	7 (9 %)
Berita Utama Muka Lain	33 (14.7%)	16 (20.7%)
Berita Penyendal Atau Kaki (Tiga Perenggan)	----	4 (5.19%)
Berita Halaman Lain	155 (68.9%)	45 (58.4%)
Jumlah	225 (100%)	77 (100%)

Keunggulan *Utusan Malaysia* dalam menyiarkan berita tentang pilihan raya agak ketara apabila jumlah berita utama kedua iaitu berita disiarkan muka depan tetapi menjadi elemen kedua mencatatkan 22 ataupun 9.8 peratus berbanding *Berita Harian*, 7 ataupun 9 peratus. Ia juga berlaku dalam berita halaman lain 155 ataupun 68.9 peratus dalam *Utusan Malaysia* dan 45 ataupun 58.4 peratus dalam *Berita Harian*. Lihat Jadual 4.3 di atas untuk mendapatkan penjelasan hasil analisis kandungan dalam keutamaan berita dalam akhbar kajian.

**Jadual 4.4 - Kategori Berita**

Kategori Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995
Berita Umum	173 (82.4%)	71 (78.8%)
Rencana	17 (8.1%)	16 (17.7%)
Surat Pembaca	—	—
Rencana Pengarang	14 (6.7%)	2 (2.2%)
Lain-lain Profail, Kolumn dan Sebagainya)	6 (2.8%)	1 (1.1%)
Jumlah	210 (100%)	90 (100%)

Dari segi perbandingan kategori berita, dengan melihat Jadual 4.4 di atas ini menunjukkan *Utusan Malaysia* menyiarkan 173 ataupun 82.4 peratus berita umum dan *Berita Harian* pula

menyiarkan 71 ataupun 78.8 peratus pada 1995. Bagaimanapun, bahan berbentuk rencana agak persamaan antara *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* apabila 16 ataupun 17.7 peratus dalam *Berita Harian* dan 17 ataupun 8.1 peratus dalam *Utusan Malaysia*.

**Jadual 4.5 - Sumber Dalam Berita**

Sumber Dalam Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995
Perdana Menteri	27 (9%)	7 (7.69%)
Timbalan Perdana Menteri	15 (5%)	7 (7.69%)
Menteri	101 (33.7%)	4 (4.3%)
Timbalan Menteri	20 (6.6%)	21 (23%)
Ahli Akademik	1 (0.33%)	1 (1%)
Lain-lain	65 (21.7%)	37 (40.6%)
Sumber Tidak Dinyatakan	70 (23.4%)	14 (15.38%)
Jumlah	299 (100%)	91 (100%)

Manakala, menerusi Jadual 4.5 di atas, pengkaji mendapati *Utusan Malaysia* banyak menyiarkan berita bersumber Perdana Menteri apabila 27 ataupun 9 peratus berbanding *Berita Harian* hanya 7 ataupun 7.69 peratus. Sumber berita berdasarkan kenyataan Timbalan Perdana Menteri juga berbeza antara akhbar yang dikaji apabila 15

ataupun 5 peratus berbanding 7 ataupun 7.69 peratus dalam *Berita Harian* pada 1995.

Kajian ini juga mengambil kira penggunaan gambar dalam penyiaran berita dan temyata berita tidak bergambar banyak digunakan dalam tempoh kajian ini apabila 157 ataupun 70.1 peratus berita tidak bergambar disiarkan dalam *Utusan Malaysia* dan 54 ataupun 60.6 peratus dalam *Berita Harian*. Lihat Jadual 4.6 di bawah ini bagi mendapat keterangan lebih lanjut berhubung penggunaan gambar.

**Jadual 4.6 - Penggunaan Gambar**

Penggunaan Gambar	Jumlah Gambar/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Gambar/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995
Gambar Berita	1 (0.4%)	----
Berita Bergambar	66 (29.5%)	35 (39.3%)
Berita Tidak Bergambar	157 (70.1%)	54 (60.6%)
Jumlah	224 (100%)	89 (100%)

Penulis berita juga menjadi bahan kajian dalam kaji selidik ini kerana peranan mereka juga penting dalam menentukan corak sesebuah berita ditulis apabila 240 ataupun 99.2 peratus berita

ditulis oleh pemberita akhbar untuk *Utusan Malaysia* dan 88 ataupun 97.7 peratus untuk *Berita Harian*. Lihat Jadual 4.7 di bawah ini.

**Jadual 4.7 - Penulis Berita**

Penulis Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia 1995</i>	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian 1995</i>
Pemberita Akhbar	240 (99.2%)	88 (97.7%)
Kolumnis Bernama	2 (0.8%)	1 (1.1%)
Lain-lain	—	—
Jumlah	242 (100%)	90 (100%)

Pengkaji menitikberatkan arah berita dengan melihat Jadual 4.8 di bawah ini dalam usaha melihat sejauhmana bahan berita boleh mempengaruhi pengundi, terutama rakyat Kelantan dalam kajian ini. Arah berita positif BN, negatif pembangkang, seimbang dan neutral dikaji dalam kajian ini dalam menentukan bagaimana isi kandungan bahan berita dapat membantu sesebuah parti dalam pilihan raya. Ternyata, dalam kajian analisis kandungan 1995 *Utusan Malaysia* banyak menyiaran berita positif BN apabila 96 ataupun 39.2 peratus. Berita negatif pembangkang ialah 54 ataupun 22 peratus, seimbang 75 ataupun 30.6 peratus, dan neutral 20 ataupun 8.2 peratus. *Berita*

*Harian* menyiarkan 42 ataupun 46.6 peratus berita positif BN dan 12 ataupun 13.3 peratus negatif pembangkang, seimbang 21 ataupun 23.3 peratus dan neutral 15 ataupun 16.6 peratus.

**Jadual 4.8 - Arah Berita**

Arah Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia 1995</i>	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian 1995</i>
Positif BN	96 (39.2%)	42 (46.6%)
Negatif Pembangkang (P)	54 (22%)	12 (13.3%)
Seimbang	75 (30.6%)	21 (23.3%)
Neutral	20 (8.2%)	15 (16.6%)
Jumlah	245 (100%)	90 (100%)

Arah berita diambil kira kerana mengikut Ketua Biro Utusan Malaysia Kelantan, Saroji Mokhtar dalam wawancara di Kota Bharu, Kelantan pada 7 Jun 1996<sup>17</sup> menyatakan bahawa arah berita mampu mencorakkan minda rakyat Kelantan kerana pengundi perlukan maklumat kerajaan BN mampu memerintah dengan baik di Kelantan jika terus diberi peluang dalam pilihan raya 1995. Malahan, Ketua Biro *Utusan Malaysia* juga diberikan garis

<sup>17</sup> Temubual dengan Ketua Biro Utusan Malaysia Kelantan, Saroji Mokhtar di Pejabat Utusan Malaysia di Jalan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan, pada 7 Jun 1996.

panduan dalam menulis berita supaya menyokong BN kerana saham dalam *Utusan Malaysia* dimiliki oleh Umno.

Ketua Biro Berita Harian, Kelantan, Nasir Hassan<sup>18</sup> juga menerima arahan yang sama tetapi akhbar ini lebih neutral apabila akhbar *Berita Harian* juga memberi ruang kepada pembangkang terutama tokoh utama seperti Menteri Besar, Datuk Abdul Aziz Nik Mat untuk menghiasi dada akhbar mereka. Tokoh lain seperti barisan Exco juga menerima liputan berita walaupun tidak sebanyak pemimpin lain. Ini yang membezakan *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. *Utusan Malaysia* bukan sahaja lebih banyak menyiarkan berita positif BN tetapi lebih menyediakan berita berbentuk provokasi terhadap pembangkang dalam memastikan matlamat memecahbelahkan pembangkang tercapai.

Bagi mencapai usaha itu, akhbar juga memainkan peranan mereka dalam meletakkan tajuk berita (*heading*) sesebuah berita supaya pembaca tertarik dengan bahan berita itu. Selepas pembaca tertarik, mereka akan terus membaca bahan berkenaan. *Utusan Malaysia* menyiarkan 95 ataupun 39.1 peratus tajuk berita yang

---

<sup>18</sup> Temubual dengan Ketua Biro Berita Harian Kelantan, Nasir Hassan di Pejabat Berita Harian di Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, Kelantan, pada 15 Julai 1996.

positif BN, 59 ataupun 24.3 peratus berita negatif pembangkang dan 54 ataupun 22.2 peratus seimbang. Lihat Jadual 4.9 di bawah.

**Jadual 4.9 - Arah Tajuk**

Arah Tajuk	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia 1995</i>	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian 1995</i>
Positif BN	95 (39.1%)	43 (47.7%)
Negatif Pembangkang (P)	59 (24.3%)	12 (13.3%)
Seimbang	54 (22.2%)	23 (25.5%)
Neutral	35 (14.4%)	12 (13.3%)
Jumlah	243 (100%)	90 (100%)

*Berita Harian* mempunyai kelainan apabila hanya 12 ataupun 13.3 peratus arah tajuk yang negatif pembangkang dan diikuti dengan seimbang 23 ataupun 25.5 peratus dan positif BN 43 ataupun 47.7 peratus. Keadaan ini menunjukkan *Berita Harian* lebih neutral dalam menyiaran berita politik dalam pilihan raya berbanding *Utusan Malaysia* yang lebih keras.

Ini menyebabkan *Utusan Malaysia* beberapa kali diboikot oleh pemimpin dan ahli parti pembangkang di seluruh negara disebabkan keberanian pengarang, wartawan dan penyunting menyediakan tajuk dan bahan berita yang sensasi dalam politik walaupun belum hari

penamaan calon.

Sebagai contoh arah tajuk berita positif BN sebelum hari penamaan calon seperti berikut dalam *Berita Harian* pada 3 April 1995

- Ekonomi Kukuh Jika BN Terus Kekal: Mustapa dan tajuk kedua menunjukkan positif BN ialah BN Janji Majukan Kelantan pada 7 April 1995 di *Berita Harian* juga kenyataan Datuk Mustapa Mohamad. Arah tajuk seimbang ialah Islam Tolak Golongan Cetus Huru Hara, kenyataan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad dalam *Berita Harian* pada 7 April 1995. Arah tajuk neutral ialah Pilihan Raya Bukan Medan Perang, kenyataan penceramah bebas, Mohamad Mustafa di Kelantan..

Selepas mengkaji arah tajuk berita, pengkaji juga turut mengklasifikasikan kategori perolehan berita sebagai elemen penting kerana menjelang pilihan raya parti pemerintah akan menggunakan segala bentuk kempen termasuk mengadakan majlis tertentu bagi menarik minat pengundi terhadap parti pemerintah. Dalam kajian ini, *Utusan Malaysia* menyiar 58 ataupun 23.8 peratus bahan berita yang diperolehi daripada majlis perasmian, 52 ataupun 21.3 peratus dalam sidang akhbar serta 43 ataupun 17.6 peratus dalam kategori temuramah. *Berita Harian* menyiar 20 ataupun 22.4 peratus bahan

berita di dalam majlis perasmian, sidang akhbar 14 ataupun 15.73 peratus dan 16 ataupun 17.9 peratus dalam komentar. Lihat Jadual 4.10 di bawah ini.

**Jadual 4.10 - Kategori Perolehan Berita**

Kategori Perolehan Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia 1995</i>	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian 1995</i>
Kenyataan Akhbar	24 (9.8%)	3 (3.33%)
Sidang Akhbar	52 (21.3%)	14 (15.73%)
Majlis Perasmian	58 (23.8%)	20 (22.47%)
Ceramah	18 (7.4%)	4 (4.49%)
Temuramah	43 (17.6%)	12 (13.48%)
Peristiwa	36 (14.8%)	20 (22.47%)
Komentar	13 (5.3%)	16 (17.97%)
Jumlah	244 (100%)	89 (100%)

Penilaian tentang kategori rencana juga turut diperkatakan dalam bab ini kerana peranan dan isi kandungan rencana boleh membantu pembaca dalam usaha memberi kefahaman, penjelasan, hujah dan pembujukan kepada pengundi. Menerusi Jadual 4.11 di bawah menunjukkan *Utusan Malaysia* mendahului dengan menyiaran 20 ataupun 80 peratus rencana berunsur penjelasan dan lain-lain hanya satu dan dua sahaja rencana hujahan dan pembujukan. Bagaimanapun, *Berita Harian*, jumlahnya amat sedikit kerana rencana berunsurkan hujahan antara 5 dan 1 sahaja.

**Jadual 4.11 - Jenis Penulisan Rencana**

Jenis Penulisan Rencana	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995
Penjelasan	20 (80%)	4 (30.7%)
Penceritaan	2 (8%)	3 (33%)
Hujahan	2 (8%)	5 (38.4%)
Pembujukan	1 (4%)	1 (7.6%)
Jumlah	25 (100%)	13 (100%)

Pengkaji juga menjalankan kajian tentang tema dalam analisis kandungan ini kerana tema sebahagian daripada petunjuk arah dan matlamat sesebuah berita. Dengan melihat tema, pembaca sudah

mengetahui arah tuju sesebuah berita. Adakah berita itu boleh mempengaruhi mereka. Oleh itu, analisis tema turut diambil perhatian. Lihat Jadual 4.12 di bawah ini.

**Jadual 4.12 – Tema Sepunya**

Tema Sepunya	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1995	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1995
Politik	141 (59.2%)	49 (55%)
Ekonomi	26 (10.9%)	7 (7.8%)
Sosial	57 (24%)	27 (30.7%)
Budaya	4 (1.7%)	1 (1.1%)
Agama	10 (4.2%)	5 (5.6%)
Jumlah	238 (100%)	89 (100%)

Tema politik adalah tumpuan *Utusan Malaysia* apabila 141 ataupun 59.2 peratus, diikuti tema sosial 57 ataupun 24 peratus dan ekonomi 26 ataupun 10.9 peratus. Tema lain juga diberi perhatian oleh *Utusan Malaysia* apabila budaya 4 ataupun 1.7 peratus dan agama 10 ataupun 4.2 peratus. *Berita Harian* juga memfokuskan tema politik apabila 49 ataupun 55 peratus, 27 ataupun 30.7 peratus bertemakan sosial, diikuti ekonomi 7 ataupun 7.8 peratus dan agama 5 ataupun 5.6 peratus. Ini menunjukkan sebahagian besar berita bertemakan politik

mendapat perhatian dalam kedua-dua akhbar kajian tetapi *Utusan Malaysia* juga memberi kelebihan tema agama dalam pemberitaannya.

#### **4.3 – Isu-isu Yang Mendapat Perhatian Dalam Pilihan Raya Umum 1995.**

Setiap kali pilihan raya, pelbagai isu dikemukakan oleh parti-parti yang bertanding dalam usaha memberi penerangan dan menarik minat pengundi terhadap parti dan calon akan dikemukakan semasa penamaan calon. Oleh itu, pengkaji tidak ketinggalan mengkaji isu-isu yang dipaparkan dalam dua akhbar kajian *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* sahaja dalam mempastikan adakah isu mampu memberi kemenangan kepada sesebuah parti dalam pilihan raya. Ini kerana peranan isu amat penting dan diakui sendiri oleh Ahli Parlimen PAS Kuala Krai, Mohamed Nasir Che Daud dan Ahli Parlimen PAS Kubang Kerian, Haji Husam Musa dalam wawancara di Kota Bharu, Kelantan pada 5 Februari 2002<sup>19</sup> mengakui bahawa isu banyak memainkan peranan dalam menentukan kemenangan walaupun faktor lain seperti latar belakang calon dan kekuatan dalam sesebuah parti. Kenyataan ini menunjukkan PAS sebuah parti berpengaruh juga mengharapkan isu

---

<sup>19</sup> Temubual dengan Mohamed Nasir Che Daud dan Haji Husam Musa.

tertentu diketengahkan dalam kempen pilihan raya dalam usaha memujuk rakyat menentang BN.

Kesimpulannya bukan sahaja PAS memerlukan isu tetapi BN juga sering mengeluarkan isu tertentu dalam menghentam parti pembangkang terutama ketika kempen menjelang pilihan raya umum. Antara isu pilihan raya 1995 adalah seperti dibawah ini;

**a. Pakatan Parti Pembangkang Longgar.**

Isu-isu pilihan raya umum 1995 banyak mendedahkan kelonggaran pakatan parti pembangkang yang membabitkan S46, DAP dan PAS. Kebanyakan isu tertumpu kepada gabungan parti pembangkang yang dikatakan tidak setia dan sekata membabitkan pelbagai isu. Pakatan ini jelas apabila digambarkan DAP dan PAS sudah mengadakan pakatan untuk menumbangkan kerajaan negeri Pulau Pinang. Keadaan itu bagi membolehkan pengundi menyokong DAP dalam pilihan raya. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menjelaskan bahawa kerjasama PAS dan DAP di Pulau Pinang sebagai satu hipokrasi. Ini kerana PAS sebelum ini mengatakan UMNO kafir kerana bekerjasama dengan parti bukan

Islam.<sup>20</sup> Dr Mahathir menjelaskan demikian di Kota Bharu selepas mengadakan lawatan singkat ke Kelantan. Kenyataan itu dilakukan kerana dilaporkan wujud pakatan pembangkang untuk bersatu. Perdana Menteri menjelaskan kerjasama UMNO dengan kaum lain sudah lama kerana UMNO tidak bermusuhan dengan kaum lain, terutama Cina.

Perdana Menteri seterusnya mengajak rakyat Kelantan supaya menolak APU yang diterajui oleh PAS pada pilihan raya umum demi memastikan rakyat negeri tidak terjebak dengan kemunduran yang boleh merugikan umat Islam.<sup>21</sup> Selagi PAS memerintah, rakyat akan terus ketinggalan bukan sahaja daripada segi pembangunan, tetapi menyulitkan usaha meningkatkan martabat umat Islam. Bagaimanapun, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menegaskan, rakyat Kelantan tidak menolak pembangunan sebaliknya membangunkan negeri ini secara seimbang. Pembangunan seimbang ini membawa maksud, pembangunan rohani dan jasmani dilaksanakan serentak dalam memastikan bukan pembangunan berunsurkan kebendaan sahaja disalurkan kepada masyarakat sehingga

---

<sup>20</sup> *Utusan Malaysia*, 23 April 1995, hlm 2.

<sup>21</sup> *Utusan Malaysia*, 23 April 1995, hlm 1.

meninggalkan pembangunan rohani yang membentuk sahsiah diri seseorang itu.<sup>22</sup>

Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu gagal mengubah pendirian rakyat memilih BN untuk berkuasa di Kelantan apabila mereka tetap memilih PAS berkuasa di Kelantan apabila PAS menang besar dalam pilihan raya 1995 dan 1999. Ini menunjukkan rakyat Kelantan tidak mudah menerima saranan pemimpin BN untuk mengubah pendirian mereka dalam politik.

**b. Agama (Muzakarah dan Kafir Mengkafir)**

Isu agama memang popular dalam arena politik negara ini kerana masyarakat di Malaysia mengamalkan konsep kebebasan beragama. Rakyat pelbagai kaum di negara ini memang sensitif dengan agama, terutama mereka yang beragama Islam. Oleh itu, pemimpin kedua-dua belah parti, terutama PAS dan UMNO tidak pernah mencapai kata sepakat dalam hal ini apabila setiap kali menjelang pilihan raya isu agama ini akan diperbesar-besarkan bagi memastikan mereka mendapat sokongan pengundi, terutama pengundi Melayu. Isu agama antara PAS dan UMNO ini sudah berterusan sejak sekian lama apabila

---

<sup>22</sup> Temubual dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat.

kedua-dua pemimpin parti ini mempunyai pemahaman tentang agama yang berbeza-beza.

Menjelang tahun 1964 membentuk PAS mengeluarkan fatwa yang mengkafirkan UMNO kerana berkerjasama dengan MCA dan MIC. Pada Ogos 1963, satu mesyuarat diadakan di kediaman Menteri Besar Kelantan di Jalan Kampung Sireh, Kota Bharu yang telah membuat fatwa berikut, iaitu orang Islam yang berkongsi dengan orang-orang kafir untuk memerintah negara menjadi kafir atau haram dan sesiapa yang mengundi parti-parti yang berkongsi itu menjadi haram, jika reda menjadi kafir tetapi jika tidak redha jadi haram sahaja.<sup>23</sup>

Selain itu, tidak kurang juga isu membabitkan kes cabaran antara kedua-dua parti, terutama PAS dan UMNO berkaitan dengan Islam dan pelaksanaan hukum Islam di muka bumi ini. Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa Malaysia boleh menjadi negara maju tanpa mengorbankan akhlak, moral serta nilai-nilai Islam. Negara ini boleh maju dengan acuannya sendiri.

---

<sup>23</sup> Mohd Zain Saleh, *Sejarah Umno Kelantan*, Ampang Press, Selangor, 1985, hlm 80.

UMNO juga menuduh hak istimewa orang Melayu akan hilang jika PAS dibenarkan memerintah negara ini. Ini kerana PAS mahu menghapuskan hak terhadap tanah simpanan Melayu dan bahasa Melayu. Tuduhan itu dilemparkan oleh Naib Ketua UMNO Bahagian Parit Sulong, Ruhanie Ahmad selepas memetik kata-kata Timbalan Yang Dipertua PAS, Abdul Hadi Awang.<sup>24</sup>

Seperti tahun-tahun sebelumnya, isu kafir-mengkafir masih berterusan antara ahli dan pemimpin PAS serta UMNO. Urutan daripada pelbagai isu sensitif itu, tidak ketinggalan juga tokoh-tokoh agama dan pemimpin Umno menyifatkan tindakan PAS mempergunakan ayat-ayat al-Quran untuk dijadikan fatwa dalam memburuk-burukkan orang lain, terutamanya UMNO sebagai tindakan melampau. Tindakan PAS itu dianggap sebagai memecahbelahkan masyarakat dan menjelaskan perpaduan di kalangan umat Islam. Malahan, ada pihak mengatakan al-Quran adalah kitab suci yang mesti dihormati dan dijadikan panduan serta ikutan umat Islam dan bukannya sebagai alat untuk kempen politik mereka menjelang pilihan raya.<sup>25</sup> Dalam isu yang sama, imam Masjid Putrajaya, Kuala Lumpur, Datuk Abdul Kader Talip, menjelaskan bahawa Islam tidak membenarkan

---

<sup>24</sup> *Utusan Malaysia*, 20 April 1995, hlm 24.

<sup>25</sup> *Utusan Malaysia*, 18 April 1995, hlm 24.

umatnya memburuk-burukkan antara satu sama lain, apatah lagi dengan menggunakan al-Quran. Isu lain yang dipaparkan termasuklah dakwaan PAS mengenai hari Ahad akan dijadikan hari cuti hujung minggu di Kedah bagi menggantikan hari Jumaat, jika BN memerintah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berasa sedih dengan perbuatan pemimpin-pemimpin PAS yang menyamakan calon-calon UMNO dalam pilihan raya umum sebagai guru-guru agama Kristian dan Yahudi. Kenyataan itu dikeluarkan apabila Perdana Menteri, mengulas kenyataan Ketua Dewan Ulama PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyifatkan langkah UMNO menurunkan tokoh-tokoh agama bertanding mewakili BN dalam pilihan raya umum di Kelantan sebagai 'ustaz melawan Nabi Muhammad'.<sup>26</sup> Komen Nik Abdul Aziz itu dijelaskan apabila wujudnya fenomena bertambahnya penyertaan tokoh-tokoh agama bertanding mewakili BN di Kelantan dalam pilihan raya 1995. Antara tokoh itu ialah bekas Ketua Pengarah Pusat Islam, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir yang bertanding di kawasan DUN Melor. Perdana Menteri mempersoalkan adakah Datuk

---

<sup>26</sup> *Utusan Malaysia*, 16 April 1995, hlm 7.

Zainal Abidin yang arif dalam bidang agama boleh disamakan dengan "ustaz Yahudi dan Nasrani". Perdana Menteri menjelaskan tindakan seumpama itu jelas bertentangan dengan semangat Islam dan didorong oleh kefahaman sempit pemimpin PAS yang melihat Islam secara negatif.

Keadaan itu menyebabkan Perdana Menteri menyifatkan dakwaan itu tidak kena pada tempatnya dan tidak sepatutnya keluar daripada mulut seorang ulama. Dipaparkan, juga isu Nik Abdul Aziz lebih layak digelarkan 'Menteri Besar Melalut' kerana tindakannya yang gemar merendah dan mengaibkan orang lain sesama Islam. Gelaran itu diberikan oleh Naib Presiden UMNO, Datuk Najib Tun Razak dengan merujuk masalah itu kepada sikap Nik Abdul Aziz yang lebih banyak memaki hamun dan mengeluarkan fatwa khurafat serta kenyataan yang terpesong daripada lunas-lunas dan kesucian Islam.

PAS digambarkan sebagai parti yang memecahbelahkan umat Islam kerana memulakan sembahyang dua imam, kubur berasingan, diharamkan memakan daging yang disembelihkan oleh orang UMNO serta memecat imam daripada orang PAS. Nik Abdul Aziz juga disifatkan oleh PM sebagai tidak layak digelar ulama kerana beliau yang terkenal dengan nama 'Tok Guru' mengatakan Islam mengizinkan

seseorang itu mencaci orang lain jika dirinya dicaci. Kenyataan Nik Abdul Aziz dianggap melampau kerana tidak terdapat mana-mana ayat dalam al-Quran yang membenarkan umatnya mencaci orang lain kerana hendak mempertahankan diri. Malahan dalam al-Quran meminta umat Islam bersabar, jika dia dicerca dan bukannya membala balik dengan cercaan.<sup>27</sup>

Menteri Besar Johor ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menyifatkan Nik Abdul Aziz bukan ulama tulen yang boleh menghalalkan orang Islam memaki hamun dan mencerca sesama Islam. Bukan itu sahaja, Nik Abdul Aziz juga dianggap tidak mengikuti sunnah nabi apabila beliau membenarkan pemimpin PAS mencaci dan memaki hamun serta memfitnah dalam kempen politik mereka. Dalam isu ini, Nik Abdul Aziz sebelum ini dalam kenyataanya di Kota Bharu pada 22 April 1995, menyatakan Islam menghalalkan maki hamun dalam mempertahankan maruah seseorang. Menteri Besar itu juga menjelaskan secara prinsip maki hamun dilarang, tetapi jika tujuannya untuk mempertahankan diri daripada tuduhan, ia dibolehkan. Ini logik Islam.<sup>28</sup> Tuduhan itu juga dilemparkan oleh Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

---

<sup>27</sup> *Utusan Malaysia*, 22 April 1995, hlm 1.

<sup>28</sup> *Berita Minggu*, 23 April 1995, hlm 4.

### **c. Perkauman**

Isu perkauman turut diperbesar-besarkan dalam pilihan raya umum 1995. Sebagai contoh, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kepada pemimpin DAP, terutama Lim Kit Siang supaya menghentikan perbuatan menghasut dan membakar semangat rakyat kerana boleh menimbulkan ketegangan dalam kempen pilihan raya sekarang.<sup>29</sup> Pemimpin utama DAP itu mencabar polis supaya menangkapnya dalam kempen-kempennya sebelum ini. Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob yang juga Timbalan Menteri Dalam Negeri pada waktu itu juga tidak ketinggalan memberi amaran kepada Lim Kit Siang supaya lebih berhati-hati dalam berkempen kerana keghairahan berkempen dan menghasut rakyat boleh dikenakan tindakan tegas oleh kerajaan. Megat menjelaskan polis mengawasi tindak-tanduk pemimpin DAP itu kerana dilaporkan menganjurkan perarakan di sekitar bandar Ipoh dengan menggunakan pembesar suara.<sup>30</sup>

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula meminta rakyat menolak taktik pembangkang yang

---

<sup>29</sup> *Utusan Malaysia*, 18 April 1995, hlm 27.

<sup>30</sup> *Berita Harian*, 23 April 1995, hlm 4.

memperhebatkan isu perkauman bagi meraih undi terutama di Pulau Pinang.<sup>31</sup>

#### d. - Pembangunan

Kerajaan yang memerintah juga mengutarakan soal-soal pembangunan untuk menarik perhatian pengundi menjelang pilihan raya umum. Antaranya masalah setinggan di kawasan pinggir bandar utama yang akan dihapuskan menjelang tahun 2005.<sup>32</sup> Isu lain ialah kerajaan mempunyai rancangan untuk menaikkan gaji kakitangan perkhidmatan awam setaraf dengan pekerja-pekerja di sektor swasta. Ini kerana kerajaan BN tidak pernah melupakan jasa kakitangan awam dalam memajukan negara.<sup>33</sup> Dalam soal pembangunan ini, Bendahari Agung UMNO, Tun Daim Zainuddin pernah memberi jaminan ketika kempen pilihan raya umum 1995, bahawa PAS akan tewas di Kelantan kerana isu pembangunan yang dibawa oleh kerajaan BN akan mendapat sambutan. Daim menjelaskan tindakan PAS menolak isu pembangunan yang dibawa oleh BN adalah kerana mereka bimbang akan tewas dalam pilihan raya umum ini.<sup>34</sup>

---

<sup>31</sup> *Utusan Malaysia*, 16 April 1995, hlm 9.

<sup>32</sup> *Utusan Malaysia*, 17 April 1999, hlm 25.

<sup>33</sup> *Utusan Malaysia*, 17 April 1995, hlm 14.

<sup>34</sup> *Utusan Malaysia*, 22 April 1999, hlm 10.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim terus menyelar PAS dan S46 kerana masih tidak mahu menerima hakikat bahawa negara ini sudah makmur di dunia dengan pertumbuhan ekonominya terus teguh. Keteguhan ekonomi itu membolehkan hutang-hutang negara dibayar dengan baik, terutama hutang yang ditinggalkan oleh bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah.<sup>35</sup> Dalam soal pembangunan, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Mustapa Mohamad meminta rakyat Kelantan tidak mempertikaikan keupayaan Kementerian Kewangan menyalurkan peruntukan bagi membiayai projek dan program berjumlah RM1 billion yang digariskan dalam manifesto tambahan BN di Kelantan.<sup>36</sup>

Antara isu lain ialah PM membidas sikap ahli-ahli politik Melayu yang sanggup mengalibabakan diri semata-mata untuk bergelar pemimpin. Ahli politik Melayu sanggup menjual diri untuk mendapat undi dalam politik.<sup>37</sup> Hal itu membabitkan soal beberapa pemimpin Melayu yang menyertai DAP dengan menyerahkan diri mereka untuk dijadikan boneka. Perdana Menteri juga menyelar parti pembangkang yang jelas tidak menghormati media massa dengan bertindak kasar

---

<sup>35</sup> *Utusan Malaysia*, 22 April 1995, hlm 12.

<sup>36</sup> *Berita Harian*, 23 April 1995, hlm 3.

<sup>37</sup> *Utusan Malaysia*, 21 April 1995, hlm 1.

sehingga sanggup mencederakan petugas media menjalankan tugas terutama TV3. Dalam peristiwa itu, bekas Naib Pemuda PAS, Mohamad Sabu dan Ketua Penerangan Pemuda PAS, Mahfuz Omar diarah membantu siasatan berhubung kejadian itu.<sup>38</sup>

Dua negeri menjadi tumpuan serangan jentera BN iaitu Pulau Pinang dan Pahang. Banyak kenyataan yang mengutuk pimpinan dan corak DAP untuk menguasai Pulau Pinang seperti soal Lim Kit Siang mahu menjadi Ketua Menteri dan calon Melayu, Ahmad Nor dalam DAP. Penggunaan kenyataan daripada bekas-bekas pemimpin parti pembangkang juga berkesan seperti Ustaz Nakhaie Ahmad bekas Naib Presiden PAS; Lee Lam Thye, bekas Timbalan Setiausaha Agung DAP dan merangkap Ahli Parlimen Bukit Bintang; Datin Paduka Rahmah Othman, bekas Ketua Pergerakan Wanita S46; Datuk Radzi, Sheikh Ahmad, bekas Ahli Majlis Tertinggi S46; Hu Sepang, bekas Pengurus DAP Negeri Sembilan dan Datuk Ibrahim Ali, bekas Ketua Pergerakan Pemuda S46. Kenyataan pemimpin ini dipaparkan untuk menerangkan sejelas-jelasnya tentang kegagalan parti yang disertai mereka untuk memerintah negara ini.

---

<sup>38</sup> *Utusan Malaysia*, 23 April 1995, hlm 11.